



GARIS PANDUAN PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA SMART TRAK DI MPKj

1. Permit dikeluarkan oleh Majlis berdasarkan satu permit bagi satu kenderaan.
2. Permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah mengikut lokasi perniagaan yang telah ditetapkan dan diluluskan.
3. Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang permit sendiri dan di lokasi yang telah diluluskan sahaja.
4. Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan kekal / bangsal / kanopi di tapak perniagaan tanpa kebenaran MPKj.
5. Tidak dibenarkan meletakkan dan meninggalkan "*Foodtruck*" selepas waktu kebenaran operasi.
6. Kegagalan pematuhan dan syarat Pelesenan MPKj, pihak Berkuasa Melesen berhak membatalkan permit perniagaan sementara yang telah diluluskan.
7. Setiap peniaga wajib membeli pelekat Smart Trak apabila kelulusan telah dikeluarkan.
8. Pelekat wajib ditampal pada badan kenderaan dimana ianya boleh dilihat dengan jelas oleh pelanggan dan agensi penguatkuasaan. Ia tidak boleh ditanggalkan sehingga tarikh luput ataupun sehingga kelulusan ditarik semula.
9. Setiap Smart Trak hanya dibenarkan menjalankan perniagaan di lokasi yang dibenarkan sahaja.
10. Setiap perubahan reka bentuk kenderaan perlulah mendapat pengesahan daripada MPKj.
11. Setiap perubahan selain perniagaan mestilah diberitahu secara bertulis kepada pihak MPKj dan akan dikenakan fee pemprosesan.
12. Permohonan pembaharuan permit perlulah dibuat 30 hari sebelum tarikh permit tamat berserta surat pemeriksaan PUSPAKOM terkini yang masih sah semasa permohonan.
13. Majlis berhak **membatalkan** permit berkenaan jika peniaga gagal menjalankan perniagaan selama tempoh tempoh tiga (3) bulan berturut-turut.



14. Peniaga adalah galakkan untuk menggunakan pembungkusan makanan biodegradable (mudah urai) sahaja. Penggunaan polisterina adalah dilarang sama sekali.
15. Peniaga wajib memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Melesen secara surat sekiranya telah memulakan operasi perniagaan untuk kali pertama atau menamatkan perniagaan.
16. Peniaga adalah warganegara Malaysia sahaja
17. Setiap peniaga dan pekerja yang terlibat dengan operasi penyediaan makanan dan minuman perlu mendapatkan Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Suntikan TY2 (Thypoid) yang aktif.
18. Tidak dibenarkan meletak kerusi dan meja untuk pelanggan makan di tempat perniagaan kecuali dengan kebenaran daripada Jabatan Pelesenan Dan Penjaja, Majlis Perbandaran Kajang.
19. Jualan minuman jenis beralkohol walaupun secara sampingan adalah tidak dibenarkan.
20. Bagi tujuan penyeragaman, pihak MPKj mewajibkan penggunaan pelitup muka, topi dan apron yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Kajang sahaja. Topi dan apron boleh dibeli terus di Jabatan Pelesenan dan Penjaja MPKj.
21. Kebersihan di lokasi perniagaan dan sekitarnya perlu diselenggara dan dijaga dengan baik semasa berniaga dan selepas tamat waktu berniaga, serta menyediakan tong sampah yang secukupnya dan bersih dari sebarang kekotoran.
22. Peniaga perlu memastikan lokasi perniagaan tidak mengganggu lalulintas atau menyebabkan kacau ganggu kepada pihak lain dan tiada sebarang struktur kekal dibenarkan di lokasi perniagaan berkenaan kecuali dengan kebenaran daripada Jabatan Pelesenan Dan Penjaja, MPKj.
23. Pihak MPKj tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan / kecederaan / kecurian yang berlaku semasa tempoh perniagaan dijalankan.
24. Penganjuran "SMART Trak" ini adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis dan jika terdapat aduan-aduan berasas, Pihak Berkuasa Melesen MPKj boleh membatalkan permit dengan serta-merta tanpa sebarang notis pemberitahuan.
25. Setiap "Foodtruck" harus menyediakan Insuran Tanggungan Awam. (*minimum RM20,000*).

LOKASI OPERASI

1. Lokasi-lokasi yang dibenarkan untuk menjalankan Perniagaan Trak Makanan, Barangan & Perkhidmatan adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
2. **Pihak PBT boleh menambah / mengurang atau membatalkan lokasi Perniagaan Trak Makanan, Barangan & Perkhidmatan yang disenaraikan di dalam jadual tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.**
3. **Petak parkir sedia ada yang dikhaskan untuk digunakan sebagai lokasi Perniagaan Trak Makanan, Barangan & Perkhidmatan.**

******KRITERIA LOKASI YANG DITETAPKAN OLEH SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN HENDAKLAH MEMPUNYAI CIRI-CIRI SERTA PERTIMBANGAN SEPERTI BERIKUT:-**

- i. Tidak menimbulkan kacau ganggu pada waktu puncak.
- ii. Berada diluar lingkungan 9 meter dari persimpangan jalan dan 3.6 meter dari pili bomba.
- iii. Perniagaan yang hendak dijalankan bukan petak parkir bagi OKU.
- iv. Lokasi yang melibatkan penggunaan kaki lima atau laluan pejalan kaki awam adalah tidak dibenarkan melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.
- v. Perniagaan yang hendak dijalankan di dalam kawasan perumahan berstrata, pejabat-pejabat kerajaan dan persendirian, pemohon perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis dari pihak-pihak berkenaan sebelum permohonan dikemukakan.
- vi. Tiada gangguan aliran trafik dan lalulintas.

KADAR BAYARAN AKTIVITI

1. Bayaran Permit Pengurusan Perniagaan Berkonsepkan "Foodtruck" akan dikenakan kepada penganjur sebanyak RM500.00 dan dikenakan sekali sahaja.
2. Bayaran Cagaran sampah sebanyak RM500.00 dikenakan dan boleh dituntut semula selepas tamat tempoh tawaran yang diberikan sekiranya tiada sebarang pelanggaran syarat.
3. Setiap peniaga akan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00 sebulan serta bayaran Topi dan Apron sebanyak RM25.00 pada bulan pertama sahaja.
4. Setiap peniaga akan dikenakan bayaran sampah sebanyak RM 90.00 setiap bulan.



*** Adalah disyorkan MPKj akan menetapkan satu kadar syiling yang dikenakan ke atas setiap operator bagi aktiviti SMART TRAK yang melibatkan penganjur:

1. Caj syiling sebanyak RM 500.00 bagi setiap operator yang terlibat.
2. Kadar bayaran yang dikenakan kepada setiap operator perlu merangkumi caj bayaran permit dan caj kutipan sampah kepada pihak MPKj.
3. Bagi penganjur yang menggunakan tanah persendirian perlu membayar sepenuhnya caj pengurusan dan cagaran yang telah ditetapkan.

Perubahan / Penambahbaikan dari semasa ke semasa